

FENOMENA PENGGLOTISAN DALAM BAHASA MINORITI BUGIS DI MALAYSIA

(The Phenomenon of Glottalisation in the Minority Language of Bugis in Malaysia)

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan fenomena pengglotisan dalam bahasa minoriti Bugis di Malaysia. Dalam huraian kajian lepas menyatakan kehadiran hentian glotis dalam leksikal bahasa Bugis hanya terhad di posisi akhir kata sahaja. Huraian ini walau bagaimanapun menimbulkan persoalan sama ada benarkah hentian glotis hanya hadir di akhir kata sahaja dalam bahasa ini. Justeru, kajian ini dilakukan untuk mengesahkan posisi kehadiran hentian glotis dalam bahasa Bugis dengan mengenal pasti kehadirannya dalam leksikal bahasa ini serta menghuraikan ciri akustik kehadiran hentian glotis di posisi kata yang telah dikenal pasti. Data kajian diperolehi daripada lapangan yang melibatkan soal selidik, temu bual, rakaman dan pemerhatian. Seramai 100 informan yang merupakan penutur asli Bugis di beberapa buah kampung Bugis yang terletak di Pontian dan Pasir Gudang, Johor telah ditemu bual. Analisis spektografik menggunakan Praat dibuat untuk mengesahkan kehadiran hentian glotis dalam leksikal yang diperolehi. Hasil analisis spektografik yang dilakukan menunjukkan bahawa hentian glotis hadir di empat posisi dalam kata, iaitu awal, tengah dan akhir kata serta di sempadan awalan dalam bahasa Bugis. Kehadiran hentian glotis di semua posisi kata ini masing-masing menunjukkan proses fonologi yang berbeza. Hasil kajian yang diperolehi dalam kajian ini mendedahkan fenomena sebenar pengglotisan dalam bahasa Bugis yang tidak diterokai dalam kajian berkaitan bahasa Bugis sebelum ini. Justeru, kajian ini telah memberi pengetahuan dan sudut pandang yang baru mengenai penyebaran hentian glotis dalam leksikal bahasa Bugis.

Kata kunci: hentian glotis; bahasa Bugis; analisis spektografik; fonetik; fonologi.

ABSTRACT

This study discusses the phenomenon of glottalization in the Bugis minority language in Malaysia. Previous studies had claimed that the presence of glottal stops in the Bugis lexical is limited at word final position only. The claim however, poses a question of whether glottal stop only presents at word final position in this language. Thus, this study was conducted to confirm the position where the presence of glottal stop in Bugis language by identifying its presence in the lexical of this language as well as to describe the acoustic characteristics of the glottal stop at the positions where they have been identified. Data for this study were obtained from fieldworks which involved questionnaires, interviews, recordings and observations. A total of 100 informants who are native speakers of Bugis from Bugis villages located in Pontian and Pasir Gudang, Johor were interviewed. Spectrographic analysis using Praat was made to confirm the presence of glottal stops in the lexical obtained. The results of the spectrographic analysis show that glottal stop presents in four positions in words, namely the initial, middle and final word positions, as well as at the prefix boundaries in the Bugis language. The presence of glottal stop at these word positions exhibits different phonological processes. The results of this study reveal the real phenomenon of glottal stop in Bugis language which has not been explored in previous studies on Bugis language. Thus, this study provides new knowledge and perspectives on the distribution of glottal stops in the Bugis language.

Keywords: glottal stop; Bugis language; spectrographic analysis; phonetics; phonology.

PENGENALAN

Bahasa merupakan sebuah medium yang digunakan oleh manusia untuk berhubung dengan manusia lain dengan menggunakan bunyi-bunyi yang dikeluarkan oleh alat-alat ujaran yang terdapat di dalam tubuh manusia. Contohnya, bibir, lidah, lelangit dan pita suara. Mangantar Simanjuntak (1987:103) mengatakan bahasa digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi, menyuarakan perasaan, melahirkan buah fikiran, menyampaikan ilmu, mencipta keindahan melalui kesusasteraan, sama ada secara lisan mahupun tulisan serta kebudayaan dari satu generasi kepada generasi yang lain. Manakala Asmah Hj.Omar (1996:45) pula berpendapat bahawa bahasa ialah alat yang sering digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi dengan manusia yang lain dengan menghasilkan bunyi bahasa yang sangat tersusun dan menurut hukum yang terdapat dalam sesebuah masyarakat pengguna bahasa tersebut. Berdasarkan definisi tersebut, jelas bahawa bahasa merupakan medium utama dalam proses komunikasi antara manusia. Namun begitu, setiap bahasa di dunia memiliki ciri-ciri linguistik yang tersendiri dan memperlihatkan perbezaan yang jelas dari aspek leksikal, sebutan, pembentukan ayat dan juga makna.

Dalam kebanyakan bahasa dalam rumpun bahasa Melayu, konsonan hentian lazimnya mengalami proses pengglotisan atau disebut juga sebagai proses pembentukan hentian glotis. Pengglotisan ditemui berlaku seperti dalam bahasa Jawa ngapak (Purwaningrum, 2018), Jugra (Mumad Chelaeh et al., 2017), Melayu Singapura (Mukhlis, 2019), Brunei (Clynes & Deterding, 2011), Kerinci (Nur Farahkhanna et al., 2015) dan banyak lagi. Dalam kebanyakan bahasa rumpun Melayu, pengglotisan lebih dominan berlaku apabila konsonan hentian /k/ yang berada di posisi koda suku kata akhir berubah menjadi hentian glotis [ʔ]. Ini dapat dilihat dalam contoh daripada bahasa-bahasa di bawah:

JADUAL 1.1 Proses Pengglotisan Konsonan Hentian

Bahasa	Input	Output	Penulis & Tahun
1.Jawa ngapak	/orak/	[oraʔ]	Purwaningrum (2018)
2.Melayu Singapura	/bawak/	[bawaʔ]	Mukhlis (2019)
3. Jugra	/dudok/	[dudoʔ]	Mumad Chelaeh et al. (2017)
4.Kerinci	/masuk/	[ma.soʔ]	Nur Farahkhanna et al. (2015)

Penting untuk dinyatakan di sini, pengglotisan tidak hanya terbatas berlaku di posisi koda akhir kata sahaja, seperti yang ditunjukkan dalam contoh bahasa dalam Jadual 1.1 di atas. Proses fonologi ini juga berpotensi berlaku di posisi koda dalam mana-mana suku kata dalam

perkataan sekalipun. Namun begitu, kepelbagaian posisi koda berlakunya proses pengglotisan ini jarang ditemui. Dengan maksud lain, pengglotisan merupakan proses fonologi yang tidak begitu aktif ditemui dalam posisi koda yang lain selain di koda akhir kata. Setidak-tidaknya, pengglotisan ditemui berlaku di koda suku kata pertama atau kedua dalam sesuatu kata akar (*within roots*). Namun, proses pengglotisan di posisi koda dalam lingkungan morfologi yang lain selain daripada dalam lingkungan kata akar seperti di lingkungan sempadan awalan (*within prefix boundaries*) adalah suatu yang tidak lazim ditemui.

Sehubungan itu, kajian ini ingin mengetengahkan ciri unik fonetik dan fonologi mengenai isu pembentukan hentian glotis atau pengglotisan yang terpapar dalam salah sebuah bahasa dalam rumpun Melayu, iaitu bahasa Bugis. Proses pengglotisan dalam bahasa ini mempamerkan keunikannya yang tersendiri terutama dari segi lingkungan morfologi berlakunya proses ini yang tidak terhad di akhir kata sahaja sepertimana kebanyakan berlaku dalam bahasa. Pengglotisan dalam bahasa Bugis didapati berlaku di empat lingkungan morfologi, iaitu di awal, tengah dan akhir kata serta di sempadan awalan.

Di samping itu, kajian mengenai fenomena hentian glotis bukanlah sesuatu yang asing bagi para penyelidik bahasa, bahkan kajian mengenai fenomena ini telah meliputi pelbagai bahasa di dunia, contohnya bahasa Melayu (Khairul Faiz & Tajul, 2018), bahasa Makassar (Ellen, 2001), Inggeris (Maria et al., 2011) dan bahasa Kerinci (Farahkhanna et al., 2015). Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan masih terdapat beberapa bahasa di dunia yang kurang diberi perhatian dan tidak dibincangkan dengan lebih menyeluruh permasalahan linguistik yang berlaku dalam bahasa tersebut. Buktinya, kedatangan orang Bugis ke tanah Melayu telah berlaku sekurang-kurangnya sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka. Permukiman orang Bugis di Semenanjung Tanah Melayu pada abad ke-17 dan kedatangan mereka dalam jumlah yang besar berlaku pada kolonial Inggeris khususnya suku akhir abad ke-19 sehingga kini (Rahilah Omar et al. 2009). Meskipun masyarakat Bugis telah lama berhijrah ke semenanjung tanah Melayu, tetapi tidak banyak yang diketahui tentang keunikan ciri-ciri linguistik yang terdapat pada bahasa kaum minoriti ini.

Justeru, dalam kajian ini fenomena pembentukan hentian glotis di empat lingkungan morfologi yang dinyatakan di atas dibuktikan kehadirannya melalui analisis spektografik. Analisis spektografik proses pengglotisan yang dilakukan ini seterusnya dapat memperlihatkan keunikan ciri-ciri linguistik khususnya ciri fonetik dan fonologi bahasa Bugis yang kurang diberi perhatian.

KAJIAN LEPAS

Sememangnya terdapat beberapa kajian lepas yang membincangkan pelbagai aspek berkenaan masyarakat Bugis. Antaranya ialah aspek sejarah (Rahilah Omar et al., 2009), vokal dan konsonan (Herianah, 2009), wacana percakapan (Juanda, 2018) dan morfologi (Andi Fatimah, 2016). Walau bagaimanapun, kajian lepas yang memfokuskan kepada perbincangan mengenai hentian glotis dalam bahasa Bugis masih tidak mencukupi. Antara kajian lepas yang sedikit sebanyak menyentuh berkenaan hentian glotis adalah seperti Macknight (2012), Musayyedah (2014), David (2014) dan Johar Amir dan Ambo Dalle (2017).

Kajian berkenaan bunyi dan ujaran bahasa Bugis dalam karya sastera telah dibincangkan oleh Herianah (2009). Dalam kajian ini, sebuah peta tentang pengklasifikasian bunyi vokal dan konsonan yang terdapat dalam bahasa Bugis telah dihasilkan. Hasil daripada penelitiannya mendapati bahawa terdapat 24 buah vokal dan 17 konsonan yang terdapat dalam bahasa Bugis. Walau bagaimanapun, penjelasan terperinci mengenai ciri-ciri serta fungsi bagi setiap vokal dan konsonan yang disenaraikan tidak diberikan. Kenyataan berkenaan hentian glotis dalam bahasa Bugis juga tidak disentuh dalam kajian Herianah (2009) ini.

Berbeza dengan Herianah (2009), Macknight (2012) ada menyentuh isu berkenaan dengan pembentukan imbuhan awalan dan akhiran bahasa Bugis telah dikupas, di samping proses geminasi, asimilasi dan hentian glotis yang wujud dalam bahasa ini. Menurut Macknight (2012), hanya konsonan [ŋ] dan [ʔ] sahaja yang muncul di akhir kata dalam bahasa Bugis. Contohnya seperti [siŋkaŋ] dan [masiʔiʔ]. Namun begitu, kehadiran hentian glotis di akhir kata sahaja dilaporkan dalam kajian Macknight (2012). Di posisi kata yang lain walau bagaimanapun tidak ada ditunjukkan dalam huraian Macknight (2012).

Begitu juga dengan kajian Musayyedah (2014). Musayyedah (2014) menyatakan bahawa terdapat beberapa persamaan khusus yang wujud antara bahasa-bahasa Austronesia lain dengan bahasa Bugis. Contohnya, semua konsonan eksplosif pada akhir kata bahasa-bahasa lain akan berubah menjadi konsonan glotis dalam bahasa Bugis. Contohnya, /t/ dan /s/ di akhir kata dalam bahasa Melayu seperti dalam perkataan /apit/ dan /nipis/ masing-masing menjadi [piʔiʔ] dan [niʔiʔ] dalam bahasa Bugis. Konsonan /t/ dan /s/ pada akhir kata direalisasikan menjadi hentian glotis. Namun begitu, sekiranya akhiran /-i/ diimbuhkan, maka konsonan tersebut akan kembali direalisasikan seperti asalnya. Misalnya konsonan /s/ disebut sebagai [s] dalam perkataan [nipisi]. Sama seperti Macknight (2012), hentian glotis di akhir kata sahaja yang ditonjolkan dalam bahasa Bugis oleh Musayyedah (2014).

Penemuan yang sama juga dikeluarkan oleh David (2014) yang menyatakan bahawa hentian glotis sering dijumpai hadir selepas batas morfem dalam tatabahasa Bugis. Hal ini berpunca daripada morfem kata yang berakhir dengan hentian glotis, sufiks, atau enklitik yang bermula dengan suatu konsonan yang hadir selepasnya. Walau bagaimanapun, kenyataan David (2014) tidak disusuli dengan bukti-bukti yang kukuh melalui huraian serta penjelasan lanjut mengenai proses fonologi yang mengakibatkan kehadiran hentian glotis selepas batas morfem.

Johar Amir dan Ambo Dalle (2017) yang menulis berkenaan bunyi bahasa Bugis sebagai bahasa keluarga Austronesia pula lebih memfokuskan penelitiannya terhadap usaha untuk menggambarkan bunyi bahasa Bugis Bone. Hasil daripada penelitian yang beliau lakukan telah berjaya mengenal pasti bahawa hanya fonem /p/, /t/, /d/, and /k/ dalam bahasa Indonesia yang berubah menjadi hentian glotis apabila diserapkan ke dalam bahasa Bugis. Hal ini turut berlaku kepada fonem /s/ dan /l/ tetapi sedikit berbeza kerana berlaku sedikit penambahan. Contohnya, /tutup/, /lipat/, /jilid/, /gəmbok/, /kipas/, /botol/ yang berubah kepada [tutuʔ], [ləppəʔ], [jiliʔ], [gəmbəʔ], [kipasaʔ] dan [botoloʔ]. Berdasarkan daripada contoh yang diberikan oleh Johar Amir dan Ambo Dalle (2017) kesemuanya menunjukkan kehadiran hentian glotis di akhir kata.

Setelah meneliti semua kosa ilmu oleh pengkaji-pengkaji lepas yang telah dibincangkan di atas, didapati tidak ada kajian yang memfokuskan kepada perbincangan mengenai fenomena hentian glotis dalam bahasa Bugis secara terperinci. Perbincangan mengenai kehadiran hentian glotis hanya difokuskan pada posisi akhir kata sahaja. Kehadiran proses fonologi ini di lingkungan morfologi yang lain bagaimanapun telah dikesampingkan dalam kajian-kajian Macknight (2012), Musayyedah (2014), David (2014) dan Johar Amir dan Ambo Dalle (2017). Oleh sebab itu, tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengesahkan posisi kehadiran hentian glotis dalam bahasa Bugis dengan mengenal pasti kehadirannya dalam leksikal bahasa ini serta menghuraikan ciri akustik kehadiran hentian glotis di posisi kata yang telah dikenal pasti.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ke atas fenomena pengglotisan bahasa Bugis ini adalah merupakan kajian kualitatif dan bersifat deskriptif. Kajian lapangan dilaksanakan untuk memperoleh data linguistik, iaitu data pertuturan lisan penutur natif bahasa Bugis di beberapa buah penempatan komuniti Bugis di

Pontian dan Pasir Gudang, Johor. Antara kampung-kampung yang dilawati meliputi kawasan kampung Batu Hampar, kampung Belokok, kampung Sungai Kual di Pontian, dan kampung Pasir Putih di pasir Gudang. Seramai 100 orang responden telah dipilih daripada masyarakat Bugis di kedua-dua kawasan tersebut. Proses pengumpulan data telah melibatkan beberapa instrumen seperti soal selidik, temubual, rakaman dan pemerhatian. Soal selidik yang mengandungi dua bahagian telah disediakan. Bahagian A pada soal selidik merupakan maklumat latar belakang responden seperti nama, jantina, tempat lahir, asal keturunan ibu bapa dan pasangan, tahap pekerjaan dan pendidikan. Manakala bahagian B pula terdiri daripada senarai leksikal dalam bahasa Melayu yang perlu diterjemahkan oleh informan ke dalam bahasa Bugis semasa sesi temu bual.

Dalam proses temubual, para informan telah disoal dan diminta untuk menterjemahkan satu persatu leksikal bahasa Melayu yang terkandung dalam bahagian B pada soal selidik ke dalam bahasa Bugis. Sebanyak 45 leksikal yang perlu diterjemahkan oleh informan dalam satu soal selidik. Data pertuturan lisan penutur Bugis ini telah dikumpul menggunakan rakaman perbualan audio. Data-data tersebut perlu melalui proses transkripsi terlebih dahulu sebelum dianalisis. Proses transkripsi kajian ini adalah seiring dengan pendekatan fonologi generatif yang menjana dua bentuk representasi, iaitu struktur dalaman (SD) dan struktur permukaan (SP).

Kaedah pemerhatian pula dilakukan secara rawak dengan memerhati sebarang bentuk perubahan, variasi, dan perbezaan yang wujud dalam leksikal yang diujarkan oleh para informan. Pemerhatian telah dilakukan dalam beberapa latar konteks, iaitu konteks ketika informan berbual bersama keluarga, rakan-rakan dan dalam satu majlis X yang diadakan di sekolah. Di samping itu, setiap maklumat tambahan yang diperolehi semasa kerja lapangan berlangsung di kampung-kampung tersebut turut dicatat bagi tujuan rujukan ketika proses menganalisis data. Akhir sekali, setelah semua data leksikal diperolehi melalui kaedah-kaedah yang dilaksanakan di atas, maka proses menganalisis dilakukan dengan menggunakan program *Praat*. Hasil analisis menggunakan Praat kemudiannya dipersembahkan dalam bentuk rajah spektografik.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hentian Glotis di Posisi Awal Kata

Setelah leksikal yang menerima kehadiran hentian glotis di posisi awal kata dikelompokkan bersama, leksikal tersebut kemudiannya diteliti bagi mengesan proses-proses fonologi yang

berlaku. Berikut merupakan jadual bagi leksikal yang menerima hentian glotis di posisi awal kata:

JADUAL 1.2 Hentian glotis di posisi awal kata bahasa Bugis


Input	Output	Maksud
1. /itik/	[ʔitik]	itik
2. /ijak/	[ʔijak]	saya
3. /ika/	[ʔika]	kemarau
4. /ula/	[ʔula]	ular
5. /indok/	[ʔindok]	ibu
6. /ambok/	[ʔambok]	bapa
7. /anek-anek/	[ʔanek-ʔanek]	anai-anai

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan terhadap data leksikal dalam Jadual 1.2, kata yang bermula dengan fonem vokal dilihat cenderung untuk menerima kehadiran hentian glotis di posisi awal kata. Kehadiran hentian glotis pada kata yang bermula dengan fonem vokal dilihat mempunyai perkaitan dengan syarat pematuhan keperluan onset di posisi awal suku kata. Pematuhan terhadap keperluan onset di posisi awal suku kata ini banyak berlaku dalam bahasa-bahasa lain di dunia. Contohnya, bahasa Melayu (Yunus 1980), Inggeris (Kota Ohata 2004), Arab (Rym Hamdi et al. 2005), Korea (Hyang Hee Kim et al. 2007), Indonesia (Arifin et al. 2019), Simalungu (Ar Purba & J Siahaan 2019) dan banyak lagi. Misalnya, struktur suku kata dalam bahasa Melayu mensyaratkan setiap suku katanya harus mempunyai onset (Zaharani, 1999) dalam (Nur Adibah Hasan dan Sharifah Raihan Syed Jaafar 2017). Onset secara umumnya adalah bunyi konsonan yang hadir di awal suku kata sebelum nukleus. Bagi memenuhi syarat keperluan onset di awal suku kata, maka suku kata yang bermula dengan vokal dalam perkataan bahasa Melayu lazimnya akan menerima penyisipan konsonan. Contohnya, perkataan seperti /ikut/, /ikan/, /iman/ berubah menjadi [ʔikut], [ʔikan] dan [ʔiman]. Penyisipan hentian glotis di awal suku kata pada perkataan-perkataan seperti ini adalah lebih kepada untuk membekalkan onset pada suku kata tersebut.


Oleh itu, berdasarkan apa yang berlaku dalam bahasa Melayu dapat disimpulkan bahawa fenomena kehadiran hentian glotis di posisi awal kata dalam bahasa Bugis juga adalah kesan daripada syarat pematuhan keperluan onset di posisi awal suku kata. Bagi memenuhi syarat keperluan onset di awal suku kata, maka setiap kata yang bermula dengan fonem vokal akan menerima penyisipan hentian glotis. Selain itu, kesan daripada proses penyisipan fonem konsonan ini juga telah membawa kepada pembentukan pola suku kata yang baru iaitu KV dan KVK. Dari segi pola suku kata, sekaligus menunjukkan bahawa pembentukan pola suku kata

baru bahasa Bugis mempunyai struktur suku kata yang sama dengan bahasa Melayu iaitu KV dan KVK. Di samping itu juga, kehadiran hentian glotis di posisi awal kata bahasa Bugis hanya direalisasikan pada peringkat output sahaja. Contohnya seperti [ʔitik], [ʔijak], [ʔika], [ʔula] dan [ʔindok].

Kehadiran hentian glotis di posisi awal kata dalam bahasa Bugis ini turut didukung dengan pembuktian melalui penggunaan program *Praat*. Rajah 1.1 dan Rajah 1.2 merupakan contoh rajah spektrografik bagi leksikal /ijak/ dan /indok/ yang menerima kehadiran hentian glotis di posisi awal suku kata:



RAJAH 1.1 Bacaan Spektrografik Leksikal /ijak/ → [ʔijak]



RAJAH 1.2 Bacaan Spektrografik Leksikal /indok/ → [ʔindok]

Keupayaan program *Praat* yang mampu untuk melihat gelombang bunyi dengan tepat telah membuktikan bahawa kehadiran hentian glotis di posisi awal kata dalam bahasa Bugis adalah benar. Hal ini kerana, dapat dilihat pada 0.499334 saat sehingga 0.549900 dalam rajah 1.1 dan 0.310441 saat sehingga 0.346371 saat dalam rajah 1.2 berlakunya pembentukan ruang kesenyapan yang terhasil disebabkan oleh ciri pembentukan konsonan glotis itu sendiri.


Hentian Glotis di Posisi Tengah Kata

Hasil penelitian data leksikal yang terkumpul menunjukkan bahawa hentian glotis di posisi tengah kata dikesan hadir pada akhir suku kata pertama dan kedua dalam morfem bebas dan morfem terikat. Di samping itu juga, hentian glotis turut hadir selepas fonem vokal di posisi koda suku kata. Jadual 1.3 merupakan senarai leksikal yang menerima kehadiran hentian glotis di posisi tengah kata:


JADUAL 1.3 Hentian glotis di posisi tengah kata bahasa Bugis

Input	Output	Maksud
1. /matʃuka/	[matʃuʔka]	masam
2. /bukaŋ/	[buʔkaŋ]	ketam
3. /joka/	[joʔka]	berjalan
4. /masekaŋ/	[maseʔkaŋ]	bengis
5. /masekaŋ/	[maseʔkaŋ]	ganas
6. /madəkah/	[madəʔkah]	haus
7. /matʃidəko/	[matʃidəʔko]	duduk
8. /pale/	[paʔle]	cuai
9. /siku/	[siʔku]	siku
10. /mətəkoh/	[mətəʔkoh]	penat
11. /tʃuka/	[tʃuʔka]	cuka
12. /nabohori/	[naboʔhori]	boikot

Jadual 1.3 menunjukkan bahawa kehadiran hentian glotis pada akhir suku kata pertama dan kedua morfem bebas dan morfem terikat berlaku melalui penyisipan. Penyisipan hentian glotis pada akhir suku kata pertama dan kedua turut mengubah pola suku kata bahasa Bugis yang pada asalnya mempunyai pola suku kata KV kemudiannya menjadi KVK. Kesan daripada penyisipan ini juga telah membentuk output yang baru bagi leksikal dalam jadual 1.3, iaitu [buʔkaŋ], [joʔka], [matʃuʔka], [maseʔkaŋ] dan [madəʔkah]. Kehadiran hentian glotis di posisi tengah kata dalam bahasa Bugis turut didukung dengan pembuktian *Praat*. Rajah 1.3 dan 1.4 adalah bacaan gelombang spektrografik bagi leksikal /matʃuka/ dan /bukaŋ/ yang menerima kehadiran hentian glotis di posisi tengah kata:



RAJAH 1.3 Bacaan spektografik leksikal /matʃuka/→[matʃuʔka]



RAJAH 1.4 Bacaan spektografik leksikal /bukaŋ/→[buʔkaŋ]

Berdasarkan kepada analisis yang dilakukan menggunakan *Praat*, dapat dilihat pada 0.842099 saat sehingga 0.941874 saat dalam rajah 1.3 dan 0.734635 saat sehingga 0.854429 saat dalam rajah 1.4 telah menunjukkan pembentukan ruang kesenyapan yang terhasil disebabkan oleh ciri pembentukan konsonan glotis itu sendiri.

Hentian Glotis di Posisi Akhir Kata


Hasil daripada penelitian terhadap leksikal-leksikal terkumpul yang dikesan menerima kehadiran hentian glotis di posisi akhir kata menunjukkan berlakunya dua proses iaitu penyisipan hentian glotis dan juga pembentukan glotis. Jadual 1.4 merupakan senarai leksikal yang menerima kehadiran glotis di posisi akhir kata bahasa Bugis:

JADUAL 1.4 Hentian glotis di posisi akhir kata bahasa Bugis

Input	Output	Maksud
1. /bembe/	[bembeʔ]	kambing
2. /manu/	[manuʔ]	ayam
3. /sulayak/	[sulayaʔ]	seluar
4. /makusəyak/	[makusəyaʔ]	kasar
5. /koyek/	[koyeʔ]	korek
6. /gasak/	[gasaʔ]	pukul
7. /ambo/	[amboʔ]	bapa
8. /matʃai/	[matʃaiʔ]	marah
9. /məsəh bubuwa/	[məsəh bubuwaʔ]	sedih
10. /bontek/	[bonteʔ]	timun

Merujuk kepada proses yang pertama iaitu penyisipan, Andi Fatimah (2016) mengatakan bahawa tidak ada konsonan lain yang akan mengakhiri morfem bebas bahasa Bugis kecuali konsonan /ŋ/ dan /ʔ/. Kenyataan tersebut dilihat bertepatan dengan apa yang berlaku pada leksikal /bembe/, /manu/, /ambo/ dalam jadual 1.4 di mana hentian glotis telah disisipkan di akhir morfem bebas. Namun begitu, hentian glotis yang telah disisipkan ini hanya wujud dalam bentuk output sahaja. Kesan daripada penyisipan hentian glotis di akhir morfem bebas ini akhirnya membentuk output yang baru iaitu [amboʔ], [bembeʔ] dan [manuʔ].

Seterusnya, proses yang kedua pula melibatkan proses pembentukan glotis di posisi koda suku kata dengan merealisasikan konsonan /k/ yang mengakhiri morfem bebas. Hal ini, berlaku disebabkan oleh pelaksanaan rumus pembentukan glotis atau yang dipanggil sebagai rumus penyahhubungan nodus daerah oral yang mendominasi fitur dorsal (Zaharani dan Teoh, 2006). Rajah 1.5 merupakan model geometri fitur autosegmental yang telah ditambah baik oleh McCarthy (1994) dalam Zaharani et al. (2014) bagi menjelaskan mengenai perubahan konsonan /k/ kepada hentian glotis:




RAJAH 1.5 Rumus pembentukan glotis (penyahhubungan nodus daerah)


Rajah 1.5 menunjukkan bahawa proses penyahhubungan nodus daerah secara automatik telah menggugurkan semua fitur yang ada di bawahnya. Maka, representasi yang tinggal hanya memiliki fitur akar yang terdiri daripada [+konsonantal] dan [-sonoran] serta fitur lain yang didominasinya, iaitu fitur artikulator glotis dan lelangit lembut yang masing-masing dinaungi oleh laryngeal dan supralaryngeal. Geometri fitur yang tidak mempunyai nodus daerah ini adalah representasi bagi bunyi hentian glotis (Zaharani dan Teoh, 2006). Kesan daripada proses penyahhubungan nodus daerah ini akhirnya telah merealisasikan fonem konsonan /k/ kepada hentian glotis /ʔ/. Contohnya dapat dilihat pada leksikal /sulayak/,

/makusəyak/, /koyek/, /gasak/ yang berubah kepada [sulayaʔ], [makusəyaʔ], [koyeʔ] dan [gasaʔ].

Program *Praat* melalui analisis spektografik dilihat berjaya mendukung pembuktian berkenaan kehadiran hentian glotis di posisi akhir kata dalam bahasa Bugis. Rajah 1.6 dan 1.7 merupakan bacaan gelombang spektografik bagi leksikal /bembe/, /manu/ dan /matʃai/ yang menerima kehadiran hentian glotis di posisi akhir kata bahasa Bugis:



RAJAH 1.6 Bacaan spektografik leksikal /bembe/ → [bembeʔ]



RAJAH 1.7 Bacaan spektografik leksikal /manu/ → [manuʔ]

Hasil analisis terhadap leksikal menunjukkan pada 1.254815 saat sehingga 1.331998 saat dalam rajah 1.6 dan 0.807759 saat sehingga 0.928244 saat dalam rajah 1.7 memperlihatkan pembentukan ruang kesenyapan dalam setiap leksikal yang disenaraikan.

Hentian Glotis di Posisi Sempadan Awalan

Selain daripada kehadirannya di posisi awal, tengah dan akhir kata, fenomena pengglotisan dalam bahasa Bugis juga dilihat turut berlaku di posisi sempadan awalan. Hal ini terbukti apabila penelitian terhadap data leksikal menemukan kehadiran hentian glotis pada imbuhan awalan kata kerja seperti /maK-/ dan /maK- + paK-/. Jadual 1.5 merupakan senarai leksikal yang menerima kehadiran hentian glotis pada imbuhan awalan bahasa Bugis:


JADUAL 1.5 Hentian glotis di sempadan awalan /maK-/ dan /maK- + paK-/

Input	Output	Maksud
1. /maK/ + keda/	[maʔkeda]	berkata
2. /maK/ + kafəɖʒɖʒeŋ/	[maʔkafəɖʒɖʒeŋ]	tutup mata
3. /maK/ + kanyeh/	[maʔkanyeh]	terkena
4. /maK/ + kutanah/	[maʔkutanah]	bertanya
5. /maK/ + kətənniŋ/	[maʔkətənniŋ]	berpegang
6. /maK- + paK-/ + bəllə/	[mappaʔbəllə]	berbohong
7. /maK- + paK-/ + jəllək/	[mappaʔjəllək]	menunjuk
8. /maK- + paK-/ + guna/	[mappaʔguna]	berfungsi
9. /maK- + paK-/ + tarima/	[mappaʔtarima]	menerima
10. /maK- + paK-/ + rinuŋ/	[mappaʔrinuŋ]	memberikan minuman kepada seseorang

Jadual 1.5 menunjukkan bahawa imbuhan awalan kata kerja menerima kehadiran hentian glotis di sempadan awalan kata dasar dan sempadan awalan di posisi awalan kata dasar. Leksikal yang menerima imbuhan awalan /maK-/ dan /maK- + paK/ memperlihatkan fonem /k/ yang berada di posisi akhir imbuhan awalan digantikan oleh hentian glotis. Hal ini kerana, segmen /k/ pada imbuhan awalan /maK-/ dan /maK- + paK-/ merupakan segmen yang bebas diisi oleh mana-mana segmen. Maka, imbuhan awalan /maK-/ telah menerima pengaruh segmen /k/ yang terdapat pada awal kata dasar /keda/, /kafəɖʒɖʒeŋ/, /kanyeh/ dan /kutanah/. Namun begitu, segmen /k/ yang berada di posisi koda dalam imbuhan awalan /maK-/ kemudiannya telah digantikan dengan segmen hentian glotis. Penggantian ini dilakukan melalui rumus penyahhubungan nodus daerah oral yang mendominasi fitur dorsal (Zaharani dan Teoh, 2006). Segmen hentian glotis yang telah menggantikan segmen /k/ di posisi koda imbuhan awalan seterusnya direpresentasikan dalam bentuk output. Contohnya, [maʔkeda], [maʔkafəɖʒɖʒeŋ], [maʔkanyeh], [maʔkutanah] dan [maʔkətənniŋ].

Bagi hentian glotis yang hadir di posisi penggabungan antara dua imbuhan dan penggabungan imbuhan dengan kata dasar /maK- + paK-/ , proses yang terlibat agak berbeza di mana /maK-/ menerima pengaruh segmen /p/ yang terdapat pada posisi awal imbuhan dalam suku kata kedua. Melalui proses geminasi segmen /k/ berubah menjadi segmen [p]. Imbuhan awalan /paK-/ pula melalui proses penyahhubungan nodus daerah oral yang merealisasikan segmen /k/ kepada segmen hentian glotis. Penukaran segmen pada imbuhan awalan /maK- + paK-/ telah menghasilkan output seperti [mappaʔjəllək], [mappaʔguna], [mappaʔtarima] dan [mappaʔrinuŋ].

Kehadiran hentian glotis di posisi sempadan awalan dalam bahasa Bugis ini turut dibuktikan melalui analisis *Praat*. Rajah 1.8 merupakan bacaan gelombang spektografik bagi leksikal /maK + keda/:



RAJAH 1.8 Bacaan spektografik leksikal /maK/ + keda/ → [maʔkeda]

Berdasarkan kepada analisis *Praat*, dapat dilihat pada 0.699160 saat sehingga 0.758494 saat dalam rajah 1.8 berlakunya pembentukan ruang kesenyapan yang merupakan ciri utama pembentukan konsonan glotis.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan data bahasa Bugis yang diperolehi, didapati hentian glotis dalam bahasa ini hadir di empat posisi/lingkungan morfologi yang berbeza, iaitu di posisi awal kata, posisi tengah kata, posisi akhir kata dan di sempadan awalan. Kesemua lingkungan morfologi yang boleh dihadiri oleh hentian glotis dalam bahasa Bugis ini sekaligus membuktikan bahawa hentian glotis bukan sahaja hadir di posisi akhir kata sahaja seperti yang nyatakan oleh pengkaji-pengkaji lepas, iaitu Macknight (2012), Musayyedah (2014), David (2014) dan Johar Amir dan Ambo Dalle (2017).

Di samping itu, proses-proses yang terlibat ketika hentian glotis hadir adalah berbeza-beza mengikut posisi kata. Kehadiran hentian glotis di posisi awal kata didorong oleh syarat keperluan onset di awal suku kata. Bagi posisi tengah kata pula hentian glotis hadir melalui proses penyisipan yang akhirnya membentuk pola suku kata yang baru. Proses yang sama turut berlaku pada posisi akhir kata di mana ia mengalami penyisipan kerana, dalam bahasa Bugis tidak ada konsonan lain yang akan mengakhiri morfem bebas kecuali konsonan /ŋ/ dan /ʔ/. Selain itu, hentian glotis di posisi akhir kata juga hadir disebabkan oleh proses pembentukan glotis yang merealisasikan konsonan /k/ di akhir morfem bebas kepada hentian glotis di posisi koda suku kata. Seterusnya, bagi hentian glotis di posisi sempadan awalan pula imbuhan

awalan /maK-/ yang menerima pengaruh segmen /k/ pada awal kata dasar digantikan dengan segmen hentian glotis melalui rumus penyahhubungan nodus daerah oral yang mendominasi fitur dorsal. Proses yang sama turut dialami imbuhan /maK- + paK-/ di mana proses penyahhubungan nodus daerah oral telah merealisasikan segmen /k/ pada imbuhan /paK-/ kepada segmen hentian glotis. Selain itu, pembentukan pola suku kata bahasa Bugis yang baru juga memperlihatkan persamaan suku katanya dengan bahasa-bahasa lain di dunia khususnya bahasa Melayu. Tambahan lagi, penggunaan program *Praat* turut berjaya mendukung pembuktian terhadap kehadiran hentian glotis dalam leksikal bahasa Bugis.

Implikasinya, kajian mengenai fenomena kehadiran hentian glotis dalam bahasa Bugis ini dapat membekalkan maklumat-maklumat dan sumber rujukan yang baru berkenaan permasalahan fonologi yang berlaku dalam bahasa Bugis. Pengetahuan-pengetahuan baru mengenai hentian glotis yang turut hadir di posisi kata yang lain seperti awal dan tengah kata dapat dikongsi untuk rujukan pembaca akan datang. Di samping itu juga, kajian ini diharap dapat menjadi rujukan kepada penyelidik-penyelidik pada masa akan datang sebagai panduan untuk mereka mengetahui dengan lebih lanjut berkenaan permasalahan fonologi bahasa Bugis yang berkait dengan fenomena hentian glotis. Dengan adanya kajian seperti ini juga diharap dapat menarik minat lebih ramai lagi penyelidik tempatan untuk menjalankan penyelidikan linguistik yang lebih luas merangkumi bidang fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik bahasa Bugis. Akhir sekali, melalui penerbitan artikel ini juga diharap dapat menyumbang kepada usaha pemeliharaan bahasa Bugis sekaligus menjadikan bahasa Bugis sebagai bahasa yang kekal wujud serta dapat dipelajari oleh generasi akan datang.

RUJUKAN

- A R Purba and J Siahaan. 2019. Simalungun language phonotactics: the study of phonology. In IOP Conference Series: Earth and Environmental Science (Vol. 374, No. 1, p. 012024). IOP Publishing.
- Andi Fatimah Yunus. 2016. Analisis Kontrastif Bahasa Bugis dan Bahasa Indonesia dalam Bidang Morfologi. *RETORIKA: Jurnal Bahasa, Sastra, dan Pengajarannya*, 9(1).
- Arifin, Hanny Haryanto, Bayu Pratama. 2019. Segmentasi Suku Kata Bahasa Indonesia Berbasis Aturan untuk Pengembangan Sistem Text-to-Audiovisual. *SNATIF*, 5(2), 79-86.

- Asmah Haji Omar. 1996. Wacana Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adrian Clynes & David Deterding. 2011. Standard Malay (Brunei). Cambridge University. Press Journal of the International Phonetic Association., 41(2), 259-268.
- Campbell Macknight. 2012. Bugis and Makasar two short grammars. South Sulawesi Studies. Karuda Press PO Box 134, Jamison Centre ACT 2614, Australia. <https://oxis.org/books/bm-grammars.pdf>
- David Valls. 2014. A grammar sketch of the Bugis language. Universiteit Leiden. https://www.academia.edu/23400897/A_grammar_sketch_of_the_Bugis_language.
- Ellen Broselow. 2001. Uh-oh: Glotis stops and syllable organization in Sulawesi. <https://www.semanticscholar.org/paper/Uh-oh%3A-Glotis-Stops-andSyllable-Organization-in-1-Broselow/c52a8894545528a682950af37c0b0d83d9bc3b>
- Herianah. 2009. Analisis fonetik bahasa Bugis dialek Barru: Cerita La Pesok Sibawa Labuta. SAWERIGADING, 15(2), 274-285.
- Hyang Hee Kim, Duk L. Nac and Eun Sook Park. 2007. Intransigent vowel-consonant position in Korean dysgraphia: evidence of spatial-constructive representation. Behavioural Neurology, 18(2), 91-97.
- Johar Amir dan Ambo Dalle. 2017. Surveillance Sounds of Bugis as the Austronesian Language family (149). Advances in Social Science, Education and Humanities Research (ASSEHR). 2nd International Conference on Education, Science, and Technology. <https://www.atlantis-press.com/proceedings/icest-17/25884921>
- Juanda Muhammad. 2018. Wacana Percakapan Mappitu Etnis Bugis Wajo Sulawesi Selatan, Indonesia Pendekatan Etnografi Komunikasi. Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia, 3(2), 71-76.
- Kota Ohata. 2004. Phonological differences between Japanese and English: Several potentially problematic. Language learning, 22, 29-41.
- Khairul Faiz Alimi & Tajul Aripin Kassin. 2018. Manifestasi fonologi bahasa Melayu standard terhadap perubahan konsonan dalam nyanyian lagu Melayu asli. Jurnal Bahasa 18(2), 253-285.
- Maria Paola Bissiri, Maria Luisa Garcia Lecumberri, Martin Cooke, Jan Volín. 2011. The role of word initial glottal stops in recognizing English words. In Twelfth Annual Conference of the International Speech Communication Association.

<https://www.semanticscholar.org/paper/The-Role-of-Word-Initial-Glotis-Stops-in-English-Lecumberri/c7dfdc39e9726639cddcac9baac12b9bec6d14>

- McCarthy, J. J., 1994. "The Phonetics and Phonology of Semitic Pyaryngeals". To appear in *Papers in laboratory phonology III: Phonological structure and phonetic form.* (ed.) P. Keating. London: Cambridge University Press.
- Musayyedah. 2014. Korespondensi bunyi bahasa Bugis dialek Soppeng dan dialek Ennak. *Saweri Gading*, 20, 353-362.
- Mukhlis Abu Bakar. 2019. Sebutan Johor-Riau dan Sebutan Baku Dalam Konteks Identiti Masyarakat Melayu Singapura. *Issues in Language Studies Vol 8 No 2.* National Institute of Education, Singapore.
- Mumad Chelaeh, Rahim Aman, Shahidi A. Hamid, Nazihah Najwa Othaman, Suhailah Ruslan, Nooraniza Abu Bakar, Rusydiah A. Salam, Fatin Hakimah M. Fadzil, Miss Deela Sinur. 2017. Penerokaan maklumat linguistik dalam dialek Melayu Jugra: Penelitian fonologi struktural. *e-Bangi*, 14(3).
- Mangantar Simanjuntak. 1987. *Pengantar Psikolinguistik Moden.* Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Nur Farahkhanna Mohd Rusli, Adi Yasran Abdul Aziz, Raja Masittah Raja Ariffin, Mohd Sharifudin Yusop, Saidatul Faiqah Samasu. 2015. Derivasi Rumus Reduksi Vokal dan Pembentukan Glotis dalam Bahasa Kerinci. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 15(3).
- Nik Safiah Karim & Wan Malini Ahmad. 2006. *Teks Bahasa Melayu STPM.* Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Nur Nadhirah Binti Zulkefli. 2016. *Paralinguistik dalam pemerolehan bahasa kanak -kanak.* Disertasi Sarjana, Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia.
- Nur Adibah Hasan & Sharifah Raihan Syed Jaafar. 2017. Struktur suku kata terbitan dialek Terengganu. *Akademika* 87(1): 165-175.
- Purwaningrum, P. W. 2018. Perubahan Fonem pada Bahasa Jawa ngapak di Kabupaten Kebumen (Sebuah Kajian Fonologi). *Wanastra*, 10(2), 21–28.
- Rym Hamdi, Salem Ghazali dan Melissa Barkat-Defradas. 2005. *Syllable Structure in Spoken Arabic: a comparative investigation.* Interspeech.
- Rahilah Omar, Khazin Mohd. Tamrin, Nordin Hussin & Nelmawarni. 2009. Sejarah Kedatangan Masyarakat Bugis ke Tanah Melayu: Kajian Kes di Johor. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 36, 41-61.
- Yunus Maris. 1980. *The Malay Sound System.* Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

Zaharani Ahmad. 1999. Struktur suku kata dasar bahasa Melayu: Pematuhan dan pengingkaran onset. *Jurnal Dewan Bahasa* 43(12): 1058- 1076.

Zaharani Ahmad & Teoh Boon Seong. 2006. *Fonologi Autosegmental: Penerapannya pada Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zaharani Ahmad, Maizura Osman dan Nor Hashimah Jalaluddin. 2014. Penyerapan dan Pengubahsuaian Konsonan Arab dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 11(1), 109-130.